



Dari Meja Pengerusi



>>Ir. Mansor Musa

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada semua anggota koperasi.

Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Editor Buletin Tunas Muda di atas penghormatan untuk saya memberi kata-kata aluan dalam Buletin Tunas Muda yang ke lima belas dalam pengeluaran.

Sebagai sebuah Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad (KTMSAB), interaksi di antara pengurusan dengan anggota perlu dipertingkatkan. Oleh itu saya amat mengalu-alukan akan kehadiran Buletin Tunas Muda ini yang di harap akan memberi faedah dan pendedahan kepada anggota tentang perkembangan semasa melalui aktiviti yang dijalankan oleh KTMSAB.

Saya juga amat bersyukur kepada Allah S.W.T kerana sudah hampir 50 tahun KTMSAB di tubuhkan. Selama kewujudan KTMSAB ini tentunya kejayaan yang diperolehi bukan setakat kemegahan tetapi perlu disusuli dengan peningkatan faedah-faedah kepada anggota KTMSAB contohnya seperti duit raya tahunan, skim insuran kelompok, khariat kematian, bantuan bencana alam, biasiswa dan dermasiswa untuk anak anggota serta tawaran rumah mampu milik dan rumah peruntukan.

TAWARAN RUMAH KOS RENDAH IDAMAN MELUR KEPADA AHLI KELUARGA ANGGOTA KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD

>> oleh: Mohamad Yusoff Ismail



Anak-anggota yang ditawarkan unit rumah kos rendah Idaman Melor

kepada Ahli Keluarga Anggota Koperasi. Penawaran rumah kos rendah tersebut berlangsung di Bilik Seminar, bangunan pejabat KTMSAB bermula pukul 9.00 pagi dan berakhir pada pukul 12.00 tengahari. Penawaran 60 unit rumah kos rendah Idaman Melor adalah untuk fasa pertama daripada jumlah rumah kos rendah yang dibina sebanyak 280 unit rumah.

Penawaran rumah kos rendah kepada ahli keluarga Anggota Koperasi menunjukkan sikap prihatin Koperasi terhadap keperluan Anggota Koperasi dan ahli keluarga mereka untuk mempunyai kediaman yang selesa dan sempurna.

Pada hari tersebut juga ahli keluarga Anggota Koperasi yang layak dikehendaki

membuat bayaran tempahan sebanyak RM 500.00 dan mereka telah memilih unit masing-masing melalui cabutan undi. Kebanyakan ahli keluarga Anggota Koperasi yang hadir berasa bersyukur kerana berjaya memiliki rumah kos rendah melalui projek yang disediakan oleh pihak KTMSAB.

Menurut Pengerusi KTMSAB, Ir Mansor Musa berkata sebanyak 280 unit rumah kos rendah disediakan untuk ahli keluarga anggota serta masyarakat setempat yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri. Ulasnya lagi anak-anak anggota yang layak yang belum lagi mendaftar rumah supaya mereka mendaftar di Pejabat Perumahan Kerajaan Negeri di Komtar.

Sehubungan dengan itu Ir Mansor Musa melalui sesi taklimat yang diadakan bermula 17 Mei hingga 22 Mei 2011 mengulas lagi kepada Anggota Koperasi supaya mereka dan ahli keluarga mereka yang layak supaya mendaftar di Pejabat Perumahan Kerajaan Negeri sebagai usaha untuk mendapat rumah untuk kehidupan yang lebih selesa.

"Pihak Anggota Lembaga Koperasi akan menyokong bagi permohonan yang layak mengikut kriteria yang di tetapkan," tambahnya lagi.

Sehubungan dengan itu saya mengharapkan KTMSAB dapat memacu hala tuju dalam menyelesaikan beberapa perkara penting untuk faedah anggota-anggota Koperasi. Antara perkara-perkara penting ialah dengan membina rumah mampu milik yang boleh dibeli oleh anak-anak anggota serta dapat menyelesaikan pemberian peruntukan rumah kepada semua anggota Koperasi. Diikuti dengan cadangan pemberian peruntukan rumah untuk anggota Koperasi bagi pusingan yang kedua.

Menjadi tanggungjawab serta amanah yang diberikan oleh anggota kepada saya sebagai Pengerusi untuk memastikan KTMSAB ini ditadbir dengan baik. Lembaga Pengarah dan pengurusan mempunyai kesepaduan dari aspek matlamat dan cara bertindak dan fokus terhadap tugas dan tanggungjawab maka segala perancangan akan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD (KTMSAB) MENANG KES TRIBUNAL.

Keputusan kes No.T-160-2010 bertarikh 4 Mei 2011 di antara Haji Rahim bin Osman (Responden) dan KTMSAB (Pemohon) di dalam Tribunal Koperasi Malaysia, berpihak kepada KTMSAB. Mahkamah bersetuju bahawa jumlah yang patut diterima oleh Pemohon bagi premium adalah sebanyak RM1.5 juta dan Tribunal Koperasi Malaysia ini dengan sebulat suara membenarkan relif dan remedi yang sebanyak RM1.5 juta kepada Pemohon dengan kos terhadap Responden.

Menarik Di Dalam
Sertailah Kuiz
Buletin Koperasi

3 hadiah menanti
anggota untuk
dimenangi

Tarikh tutup
penyertaan
30Jun 2011

SEBAHAGIAN SENARAI NAMA ANAK ANGGOTA YANG DITAWARKAN RUMAH KOS RENDAH IDAMAN MELOR >> oleh: Hamidah Ali

BIL	NAMA ANAK ANGGOTA	ANAK ANGGOTA KEPADA ANGGOTA
1	Narizah binti Mat	Khatijah Bee binti Hashim (2171) 
2	Sopiah binti Saleh	Rokiah binti Omar (2042) 
3	Ahmad Mazlan bin Ghazali	Ghazali bin Mat Hussin (1712) 
4	Ong Seang Khoon	Ong Leng Hong (1919) 
5	Goh Kwan Wu	Goh Chin Huat (1727) 
6	Hong Guat Theng	Hong Soo Yang (2046) 
7	Rozaimi Ahmad Abdullah bin Basah	Basah bin Mat (1437) 
8	Norasikin binti Mohd.Amer	Mohd. Amer bin Salleh (2109) 
9	Sazwani binti Sabdin	Che Puan binti Din (2688) 
10	Saiful Aswad bin Mahamood	Mahamood bin Man (0031) 
11	Mimee Maslina binti Che Din	Siti Fatimah binti Mat @ Ahmad (1942) 
12	Teh Siong Ho	Teh Seong Hock (2636) 
13	Abdul Nassier bin A. Rahim	Sariah binti Yusof (2528) 
14	Siti Hajar binti Din	Khatijah binti Din (2420) 
15	Juliana Binti Hussin	Hussin bin Ramli (0771) 
16	Sim Ah Wing	Sim Ah Kaw (1906) 
17	Norazura binti Othman	Othman bin Abdullah (0824) 
18	Razali bin Ahmad	Abd. Razak bin Ahmad (2192) 
19	Bashah bin Hasan	Ismail bin Hassan (1563) 
20	Law Tiang Hock	Law Thean Joo (1945) 

Bantuan Kebajikan Am (Khairat Kematian) Tahun 2010 & 2011 RM2,500.00 Seorang

Al-Fatihah / Takziah

>> oleh: Noryanty Che Ahmad

	Nama	No. Anggota	Umur	Tarikh Meninggal
1	TAN GEOK KOOI	2358	76	23/10/2010
2	ONG SOO CHONG	0553	76	23/10/2010
3	MASRI BIN YUSOFF	0512	70	02/11/2010
4	ASIAH BEE BINTI ISHAK	1356	60	16/11/2010
5	KOH AH BAH @ KHAW AH AI	2048	71	20/11/2010
6	TEH HAK ENG	2073	51	24/11/2010
7	ABD. RAZAK BIN BAKAR	2370	63	03/12/2010
8	SALNIAH BINTI BAKAR	2678	81	03/12/2010
9	LIM PHAIK WHA	0980	78	10/12/2010
10	TAN AH BAH @ TAN LEONG KEAT	1827	62	11/12/2010
11	FADZILAH BINTI ZAKARIA	1456	56	14/12/2010
12	HARON BIN CHAT	2063	82	22/12/2010
13	HALIJAH BINTI OSMAN	2344	67	02/01/2011
14	SANAI A/L RENGU	1920	62	04/01/2011
15	MUNAH BINTI MADINSALBIAH BINTI YAHAYA	1579	75	19/01/2011
16	SALBIAH BINTI YAHAYA	2138	79	01/02/2011
17	ABDUL JALIL BIN OMAR	0485	70	03/02/2011
18	TANG LAI KING @ TANG LAY SOON	2369	67	08/02/2011
19	ABD. RAHIM @ IBRAHIM BIN HJ MASTAN	0637	74	24/03/2011
20	ISMAIL BIN HASSAN	1563	72	08/04/2011
21	RAHIMAH BINTI MUSA	1045	69	12/04/2011
22	SAMAT BIN OTHMAN	2562	66	13/04/2011
24	MAJID BIN HUSSAIN	1902	56	03/05/2011
25	YUSOFF BIN ISMAIL	2237	66	24/05/2011

Gunting disini

Borang Penyertaan Kuiz Buletin Koperasi 1/2011

>> oleh: Rameli Budin & Ibrahim Yahya

Nama Penuh (seperti tertera di K/P): _____

No Anggota: _____

No. Telefon: _____

Sila tandakan (/) pada kotak bagi jawapan yang betul.

(Tarikh tutup penyertaan : 30 Jun 2011)

- Tuan Haji Hashim Bin Hanafi adalah Pengerusi Pertama Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad ?
 Ya Tidak
- Anggota yang menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan layak menerima elaun kehadiran sebanyak RM500.00.
 Ya Tidak
- Mengikut Undang-undang kecil Koperasi, seseorang anggota akan hilang kelayakkannya sebagai anggota dan TERSINGKIR jika dalam tempoh menjadi anggota dia seorang bankrupt/muflis yang belum dilepaskan.
 Ya Tidak
- Mengikut Undang-undang Kecil Koperasi Perkara 23/1.c seseorang anggota hendaklah dianggap telah bertindak memudaratkan kepentingan koperasi dan boleh digantung dan dibuang (mengikut prosedur ditetapkan) jika membuat kenyataan dalam akhbar atau mana-mana media massa mengenai koperasi ini tanpa kebenaran pihak lembaga.
 Ya Tidak
- Alamat pejabat operasi Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad ialah No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim, Taman Tunas Muda Sungai Ara, 11900 Bayan Lepas.
(Bersebelahan Sek. Keb. Sungai Ara)
 Ya Tidak

Terma dan Syarat

- Kuiz ini terbuka kepada anggota kecuali Ahli Lembaga Pengarah, Ahli Jawatankuasa Audit Dalaman dan Ahli Jawatankuasa Kecil.
- Setiap borang penyertaan kuiz hendaklah sampai ke Pejabat Koperasi pada atau sebelum 30 Jun 2011.
- Sila jawab semua soalan yang diberikan.
- Bukti penghantaran tidak boleh dianggap sebagai bukti penerimaan.
- Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang penyertaan yang hilang atau kesilapan alamat.
- Pihak penganjur telah menyediakan 3 hadiah berupa RM100.00 setiap satu untuk dimenangi oleh 3 penyertaan/anggota.
- Borang kuiz penyertaan yang difotokopi tidak akan diterima.
- Proses pengundian akan dijalankan bagi memilih 3 orang pemenang jika terdapat banyak penyertaan beserta jawapan yang betul.
- Keputusan pengadil adalah muktamad.
- Pemenang-pemenang akan dihubungi melalui surat/telefon.

INFO PEMBANGUNAN HARTANAH

>> oleh: Hamidah Ali

PROJEK PERUMAHAN RELAU PAGAR BULUH FASA 1A (PANGSAPURI IDAMAN IRIS) CADANGAN PEMBINAAN 1 BLOK PANGSAPURI KOS SEDERHANA, 1 HINGGA 20 TINGKAT TERMASUK 1 TINGKAT KEMUDAHAN DAN 4 TINGKAT TEMPAT LETAK KENDERAAN BERJUMLAH 448 UNIT.

Projek ini telah dimulakan pada 20 Ogos, 2009 dengan melibatkan keluasan tanah sebanyak 4 ekar.

Pada masa ini, kemajuan projek telah mencapai 35% dan dijangka siap pembinaan pada September 2011. Jualan bagi projek telah habis dijual sepenuhnya.



>> Ahmad Jasmi Ghazali



>> Ahmad Jasmi Ghazali

PROJEK RELAU PAGAR BULOH FASA 1B (PANGSAPURI IDAMAN LAVENDER) CADANGAN PEMBINAAN 2 BLOK PANGSAPURI KOS SEDERHANA 750 K.P. 352 UNIT.

Pembangunan projek ini melibatkan tanah seluas lebih kurang 5 ekar. Projek ini dianugerahkan secara turnkey kepada anak syarikat Koperasi iaitu Sri Tunas Sdn. Bhd. Pada masa ini kerja-kerja bangunan bagi Blok A dan Blok B telah 100% siap. Sijil Layak Menduduki (OC) dijangka diperolehi pada bulan Jun, 2011. Jualan bagi projek ini juga telah habis dijual sepenuhnya.

PROJEK PERUMAHAN RELAU PAGAR BULOH FASA 1C (RUMAH PANGSA IDAMAN MELOR) CADANGAN PEMBINAAN 1 BLOK RUMAH PANGSA KOS RENDAH 650 K.P. 280 UNIT.

Pembangunan projek ini melibatkan tanah seluas lebih kurang 1.5 ekar. Kerja-kerja pembinaan telah 100% siap. Sijil Layak Menduduki (OC) dijangka diperolehi pada bulan Jun, 2011. Anak-anak Anggota yang layak yang belum mendaftar perlu lah mendaftar di Pejabat Perumahan Negeri, Komtar Pulau Pinang.



>> Ahmad Jasmi Ghazali



>> Ahmad Jasmi Ghazali

PROJEK PENEMPATAN SEMULA JALAN TENGAH FASA 7A

Projek ini terletak di Jalan tengah, Sungai Ara, Pulau Pinang dengan keluasan 3 ekar, Projek ini adalah projek peruntukan rumah anggota koperasi yang terdiri daripada 26 unit rumah berkembar 2 tingkat, 3 unit rumah sesebuah 2 tingkat dan sebuah bangunan pencawang elektrik. Kerja-kerja bangunan 100% siap. Jangkaan Sijil Layak Menduduki (OC) akan diperolehi pada bulan Jun, 2011.

PROJEK PERUMAHAN KAMPUNG PERLIS FASA 1 – MEMBINA 20 UNIT RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT, 50 UNIT RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT DAN TAPAK UNTUK 31 UNIT LOT BANGLO DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 8009 (SEBELUM INI 2368)

Pembangunan projek ini melibatkan tanah seluas kurang 12 ekar. Projek ini adalah projek peruntukan anggota koperasi. Kerja pembangunan telah siap sebanyak 90% dan dijangka siap pembangunan pada Ogos, 2011.



>> Ahmad Jasmi Ghazali

INFOMASI PERUMAHAN KOS RENDAH

Syarat Kelayakan Membeli Rumah Kos Rendah

1. Warganegara Malaysia.
2. Bermastautin di negeri Pulau Pinang.
3. Berumur 21 tahun ke atas pada tarikh memohon.
4. Pendapatan keluarga tidak melebihi RM2,500.00 setahun.
5. Pemohon (suami / isteri) belum memiliki rumah

Maklumat lanjut dan borang diperolehi di Kaunter Pejabat Perumahan, Tingkat 3, Bangunan Komtar, Pulau Pinang. Sebarang pertanyaan boleh dihubungi melalui telefon 604-262 1957 ext: 5373

SANA SINI

>> oleh: Khairul Anuar Azzudin

Lawatan Sambil Belajar Koperasi dari Sabah dan Sarawak

"**Mai lagi yeee**".....Pengerusi Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad (KTMSAB) menyampaikan cenderamata kepada Lembaga Pengarah dan Ahli Jawatankuasa Koperasi dari Sabah, Sarawak dan Maktab Kerjasama Malaysia sempena lawatan mereka ke KTMSAB pada awal tahun 2011.



>> Ahmad Jasmi Ghazali

Penyerahan Cek Tajaan Pembukaan Akaun Tabung Haji

"**Murah rezeki**".....Pada 28 Februari 2011, Pengerusi Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad menyerahkan cek bernilai RM10 ribu kepada wakil kepada Tabung Haji, Bayan Lepas sempena Majlis Penyerahan Cek Tajaan Pembukaan Akaun Tabung Haji untuk pelajar-pelajar di dalam kariah Koperasi



>> Ahmad Jasmi Ghazali

Majlis Kenduri Doa Selamat dan Bacaan Yasin

"**Cukup tak bawang nii**".....Pada 7 Mei 2011 berlangsungnya majlis kenduri doa selamat dan bacaan Yasin serta konsep gotong-royong di antara anggota koperasi di Masjid Al-Huda Sungai Ara.



>> Ahmad Jasmi Ghazali

Taklimat Penerangan Kepada Anggota

"**Nak tanya....**" Taklimat Penerangan kepada anggota telah diadakan di Dewan Balai Raya Sungai Ara dan Dewan Sungai Tiram bermula pada 17 Mei 2011 sehingga 22 Mei 2011.



>> Ahmad Jasmi Ghazali



>> Ahmad Jasmi Ghazali

TIP DAN INFO >> oleh: Rameli Budin & Ibrahim Yahya

Berjaya Tanpa Fitnah

- Orang yang berjaya dan bahagia ialah mereka yang dijauhkan dari fitnah dan apabila terkena ujian dan dugaan mereka bersabar.
- Orang yang tidak berusaha untuk melepaskan diri dari cinta kepada dunia semata-mata maka akan sengsarah kehidupannya kerana kesalahan dan sumber fitnah akan timbul ketika seseorang itu begitu cinta akan dunia.
- Orang yang paling jahat daripada penyebar fitnah adalah orang yang suka mendengar dan mengakui fitnah.
- Kesimpulannya, tidak akan ada penyebar fitnah apabila tidak ada yang mendengarnya.

Biasiswa Pengajian Tinggi Dan Profesional Secara Pinjaman Tanpa Faedah Dan Dermasiswa Di Bawah Kumpulanwang Biasiswa Dan Dermasiswa Dato' Haji Ismail Hashim >> oleh: Noryanty Che Ahmad

Adalah dimaklumkan bahawa Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad akan mengeluarkan Biasiswa Pengajian Tinggi dan Profesional Secara Pinjaman Tanpa Faedah dan Dermasiswa bagi Tahun 2011 kepada anggota dan juga anak anggota Koperasi yang berjaya melanjutkan pengajian tinggi dan professional (peringkat diploma ke atas) di univerti-universiti tempatan dan luar negeri.

2. Nilai maksima pemberian biasiswa ialah tidak melebihi RM4,000.00 setahun dan nilai pemberian Dermasiswa ialah RM500.00, tertakluk kepada keputusan Lembaga.

3. Syarat-syarat permohonan Biasiswa dan Dermasiswa adalah seperti berikut:-

3.1 Telah terima masuk dengan rasmi bagi melanjutkan pengajian tinggi dan professional sepenuh masa di mana-mana universiti atau mana-mana badan pengajian lain seumpamanya di Malaysia atau di luar negeri yang kursusnya diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan atau Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

3.2 Umur tidak lebih daripada 25 tahun bagi anak anggota, atau 45 tahun bagi anggota-anggota pada 1 Januari pada tahun yang di dalamnya biasiswa atau dermasiswa akan diberi;

3.3 Belum pernah diterima masuk bagi melanjutkan pengajian tinggi sepenuh masa daripada mana-mana institusi;

3.4 Belum pernah mendapat apa-apa jua biasiswa atau pinjaman dari mana-mana pihak yang melebihi RM4,000.00 setahun;

3.5 Menandatangani Surat Perjanjian Pinjaman Biasiswa dengan Koperasi;

3.6 Menjelaskan bayaran cukai setem dan bayaran premium insuran perlindungan dan bayaran-bayaran lain apabila dituntut oleh pihak Koperasi (untuk biasiswa sahaja)

3.7 Mempunyai dua (2) orang penjamin yang mana sekurang-kurangnya seorang daripadanya adalah anggota Koperasi ini dan kedua-dua penjamin tersebut mestilah mempunyai pendapatan tetap bulanan berjumlah sekurang-kurang RM2,000.00 (untuk biasiswa sahaja)

3.8 Belum pernah menjadi Penjamin kepada mana-mana pelajar.

3.9 Ahli Jawatankuasa Kecil Peningkatan Perkhidmatan Kepada Anggota tidak dibenarkan menjadi Penjamin kecuali anggota tanggungannya (untuk biasiswa sahaja).

4. Borang permohonan hendaklah dikemukakan bersama dengan dokumen-dokumen berikut:-

4.1 Salinan surat tawaran masuk ke universiti.

4.2 Pengesahan kursus pengajian oleh MQA,

4.3 Sekeping gambar pemohon berukuran passport (tidak dikembalikan) (untuk biasiswa sahaja)

4.4 Salinan Keputusan Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan/ Diploma atau mana-mana sijil yang seumpamanya.

4.5 Sesalinan kad pengenalan / sijil kelahiran / kad pelajar

5. Permohonan hendaklah dibuat di atas borang khas yang boleh diperolehi di Pejabat Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad, No. 126 Jalan Dato' Ismail Hashim, Taman Tunas Muda Sungai Ara, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, pada waktu pejabat.

6. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat di atas untuk tindakan selanjutnya.

7. Sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, tuan/puan bolehlah berhubung terus dengan Puan Norsidah Jaafar, Pen Eks Keanggotaan di talian 604-6438515.

Salinan fotokopi hendaklah disahkan benar dan ditandatangani oleh Pendaftar Pusat Pengajian/Pengetua/Guru Besar/Wakil Rakyat/Jaksa Pendamai/Penghulu Kerajaan/Ketua Balai Polis/Ketua Kampung/Pengerusi JKKK/Anggota Lembaga atau Pegawai Pengurusan Koperasi ini.

PENDIDIKAN

Program Latihan MKM Bagi Bulan Julai Hingga September 2011

>> oleh: Mohamad Yusoff Ismail

BIL	KOD/ NAMA/ KATEGORI KURSUS	OBJEKTIF KURSUS	SASARAN PESERTA	TARIKH / TEMPOH KURSUS
1	IDB 602 Protokol dan Etiket Sosial Kategori : Peringkat Asas	Memberi kefahaman tatacara protokol dalam kehidupan seharian. Memberi pendedahan tentang teknik keyakinan diri dan berkeupayaan menyesuaikan diri dalam majlis.	Anggota Lembaga Koperasi Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi AJK Kecil Koperasi AJK Perhubungan Negeri/Daerah Pengurus dan Kakitangan Kanan Koperasi Pegawai Jabatan Agensi Kerajaan yang menyelia koperasi Anggota Koperasi	18-20/07/2011 (3 hari)
2	IDB 622 Pengurusan Masa dan Stres Kategori : Peringkat Pertengahan	Memberi kefahaman tentang kecekapan pengurusan masa dan tekanan kerja. Memberi pendedahan tentang kaedah mengurus masa, menangani tekanan kerja dan menggunakan kecerdasan emosi bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja.	Anggota Lembaga Koperasi Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi Pengurus dan Kakitangan Kanan Koperasi Anggota Koperasi Individu yang berminat	19-22/09/2011 (4 hari)
3	IDB 706 Keusahawanan Dalam Sektor Perkhidmatan- Mencuci Dan Membersih Bangunan Kategori : Peringkat Asas	Memberikan pendedahan asas tentang peluang perniagaan dalam perkhidmatan mencuci dan membersihkan bangunan. Memberikan pendedahan asas mengenai teknik mencuci dan membersihkan bangunan. Memberikan gambaran status industri & aspek ekonomi perniagaan dalam perkhidmatan dan membersihkan bangunan	Anggota Lembaga Koperasi Pengurus dan Kakitangan Kanan Koperasi Anggota Jawatankuasa Kecil Projek	19-22/09/2011 (4 hari)
4	IDC 802 Bengkel Kepimpinan Pasukan Cemerlang Kategori : Peringkat Asas	Memberi kefahaman kelebihan dan cabaran kerja berpasukan. Memberi pendedahan cara-cara membentuk dan memimpin pasukan cemerlang	Anggota Lembaga Koperasi Jawatankuasa Audit Dalam AJK Kecil Koperasi Kakitangan Koperasi Anggota Koperasi	11-13/07/2011 (3 hari)
5	IDC 301 Kemahiran Kepimpinan Koperasi Kategori : Peringkat Asas	Memberi kefahaman tentang elemen dan teori asas kemahiran kepimpinan. Memberi pengetahuan tentang teknik menyelia anggota dan pasukan dan memimpin pasukan/projek yang berkesan.	Anggota Lembaga Koperasi Jawatankuasa Audit Dalam AJK Kecil Koperasi Kakitangan Koperasi Anggota Koperasi	18-20/07/2011 (3 hari)
6	IDC 321 Perundangan Koperasi Dan Aplikasi Kategori : Peringkat Peningkatan	Memberi kefahaman tentang peruntukan undang-undang koperasi Memberi pendedahan tentang peruntukan undang-undang yang berkaitan dalam pengurusan koperasi.	Anggota Lembaga Koperasi Jawatankuasa Audit Dalam AJK Kecil Koperasi Kakitangan Kanan Koperasi Pegawai Jabatan Agensi Kerajaan yang menyelia koperasi Anggota Koperasi	25-27/07/2011 03-05/10/2011 (3 hari)

Anggota yang berminat untuk mengikuti kursus yang dianjurkan oleh MKM, sila hubungi Encik Mohamad Yusoff untuk keterangan lanjut di talian 604-643 8515

Ketua Pengarang

: Encik Rameli B. Budin

Pengarang & Grafik

: Encik Ibrahim B. Yahya

Pemberita

: Encik Mohd Hilmi B. Rashid

Pemberita

: Encik Mohamad Yusoff B. Ismail

Pemberita

: Puan Noryanty Bt Che Ahmad

Pemberita

: Encik Khairul Anuar B. Azzudin

Pemberita

: Encik Aziz B. Mamat (STESB)

Percetakan Pendedaran

: Cik Hamidah Bt Ali

Jurugambar

: Puan Hajjah Che Maimunah Bt Kassim

: Encik Ahmad Jasmi B. Ghazali

SIDANG PENGARANG



Jika tidak sampai, kembalikan kepada:

KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD

No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim,

Taman Tunas Muda, Sungai Ara,

11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Tel: 604-6438 515 Fax: 604-6437 507